



11 Oktober 2022
11 October 2022
P.U. (A) 322

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN
(PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM)
(NO. 4) 2022

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)
(NO. 4) ORDER 2022*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 4) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (No. 4) 2022**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 12 Oktober 2022.

Pemakaian

2. Perintah ini hendaklah terpakai bagi—

(a) Kertas Komersial Islam dan Nota Jangka Sederhana Islam yang diterbitkan atau akan diterbitkan oleh Prasarana Malaysia Berhad (dahulunya dikenali sebagai Syarikat Prasarana Negara Berhad) menurut Program Sukuk Murabahah, yang disebut “Sukuk Murabahah” dalam Perintah ini, dengan nilai nominal dua bilion ringgit (RM2,000,000,000.00); dan

(b) jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia yang berhubungan dengan Sukuk Murabahah.

Peremitan cukai

3. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] oleh mana-mana individu atau entiti yang berikut berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, nota, surat cara atau dokumen berhubung dengan Sukuk Murabahah atau jaminan yang disebut dalam perenggan 2 hendaklah diremitkan sepenuhnya:

- (a) Prasarana Malaysia Berhad yang baginya Akta ini terpakai menurut Perintah Jaminan Pinjaman (Penetapan Pertubuhan Perbadanan) (Syarikat Prasarana Negara Berhad) 2001 [*P.U. (A) 351/2001*];
- (b) mana-mana pemegang Kertas Komersial Islam dan Nota Jangka Sederhana Islam yang diterbitkan atau akan diterbitkan oleh Prasarana Malaysia Berhad menurut Sukuk Murabahah; atau
- (c) mana-mana pihak lain kepada apa-apa perjanjian, nota, surat cara atau dokumen berhubung dengan Sukuk Murabahah atau jaminan yang disebut dalam perenggan 2, termasuk mana-mana pihak yang kepadanya mana-mana perjanjian, nota, surat cara atau dokumen itu dipindahkan atau diserahkan.

Peremitan duti setem

4. Apa-apa duti setem yang kena dibayar di bawah Akta Setem 1949 [*Akta 378*] berkenaan dengan apa-apa perjanjian, nota, surat cara atau dokumen berhubung dengan Sukuk Murabahah atau jaminan yang disebut dalam perenggan 2 hendaklah diremitkan sepenuhnya.

Dibuat 7 Oktober 2022
[MOF(R)100-1/2/2 JLD. 2(17); PN(PU2)232/JLD. 17]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) ACT 1965

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY) (NO. 4) ORDER 2022

IN exercise of the powers conferred by subsection 10(1) of the Loans Guarantee (Bodies Corporate) Act 1965 [*Act 96*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Loans Guarantee (Bodies Corporate) (Remission of Tax and Stamp Duty) (No. 4) Order 2022**.

(2) This Order comes into operation on 12 October 2022.

Application

2. This Order shall apply to—

(a) the Islamic Commercial Papers and the Islamic Medium Term Notes issued or to be issued by Prasarana Malaysia Berhad (formerly known as Syarikat Prasarana Negara Berhad) pursuant to the Sukuk Murabahah Programme, which is referred to as the “Sukuk Murabahah” in this Order, with nominal value of two billion ringgit (RM2,000,000,000.00); and

(b) the guarantee given or to be given by the Government of Malaysia relating to the Sukuk Murabahah.

Remission of tax

3. Any tax payable under the Income Tax Act 1967 [*Act 53*] by any of the following individual or entity in respect of any money payable under any agreement, note, instrument or document in relation to the Sukuk Murabahah or the guarantee referred to in paragraph 2 shall be remitted in full:

- (a) Prasarana Malaysia Berhad to which this Act applies pursuant to the Loans Guarantee (Declaration of Bodies Corporate) (Syarikat Prasarana Negara Berhad) Order 2001 [*P.U. (A) 351/2001*];
- (b) any holder of the Islamic Commercial Papers and the Islamic Medium Term Notes issued or to be issued by Prasarana Malaysia Berhad pursuant to the Sukuk Murabahah; or
- (c) any party to any agreement, note, instrument or document in relation to the Sukuk Murabahah or guarantee referred to in paragraph 2, including any party to whom such agreement, note, instrument or document is transferred or assigned.

Remission of stamp duty

4. Any stamp duty payable under the Stamp Act 1949 [*Act 378*] in respect of any agreement, note, instrument or document in relation to the Sukuk Murabahah or guarantee referred to in paragraph 2 shall be remitted in full.

Made 7 October 2022

[MOF(R)100-1/2/2 JLD. 2(17); PN(PU2)232/JLD. 17]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Minister of Finance